

11 MAY 2001

MNI-KWSP

MNI TUNAIKAN TERMA DAN SYARAT SKIM ANUITI

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Malaysia National Insurance Bhd (MNI), salah satu daripada penanggung insurans yang membentuk Konsortium Anuiti Malaysia, memberi jaminan kepada pemegang-pemegang polisi skim anuiti MNInya sekarang bahawa semua terma, syarat dan faedah polisi mereka akan ditunaikan.

Konsortium tersebut bertanggungjawab menguruskan skim anuiti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), yang telah digantung berkuatkuasa serta merta semalam.

Dalam satu kenyataan di sini hari ini, MNI berkata ia akan memantau dengan teliti dan mengkaji semua perkembangan berhubung dengan penggantungan skim itu.

Sejak dilancarkan pada 1 Julai tahun lalu, skim tersebut telah menerima tentangan hebat daripada Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC).

Dalam sepucuk surat kepada MTUC, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata skim tersebut akan ditangguhkan sehingga satu kajian yang dijalankan oleh jururunding yang diambil oleh KWSP selesai.

Kajian itu dijangka selesai dalam masa kira-kira tiga bulan.

Skim anuiti tersebut merupakan satu program persaraan di mana sebahagian daripada caruman pekerja, dengan izin mereka, diuruskan oleh syarikat-syarikat insurans persendirian dan dibayar seperti pembayaran pencen berdasarkan bulan ke bulan apabila mereka bersara.

-- BERNAMA

MSL FR KY OS